

15 April 2025

SIARAN MEDIA
Untuk Siaran Segera



DUA TAHUN KONFLIK, DUNIA PERLU BERTINDAK HENTIKAN KEBULURAN DI SUDAN

Selepas dua tahun dilanda konflik, Sudan kini berdepan krisis kebuluran terburuk di dunia. Kelaparan semakin merebak ke seluruh negara, mengancam jutaan nyawa dan mencetuskan bencana kemanusiaan berskala besar.

Agensi-agensi kemanusiaan bertungkus-lumus menyampaikan bantuan sebelum musim hujan yang dijangka bermula bulan hadapan menyukarkan lagi akses ke kawasan terjejas.

Persidangan London pada 15 April, anjuran bersama UK, Perancis dan Jerman dengan penyertaan lebih 20 Menteri Luar menjadi medan penting untuk dunia mengambil tindakan segera. Islamic Relief menggesa semua kerajaan agar mencapai kata sepakat bagi menghalang kebuluran daripada terus merebak.

Setakat ini, kebuluran telah diisyiharkan di sekurang-kurangnya lima kawasan di Darfur dan Kordofan di barat Sudan, manakala 17 lagi lokasi berisiko tinggi memasuki tahap kebuluran dalam beberapa minggu mendatang. Hampir 25 juta orang, iaitu separuh daripada populasi Sudan kini berdepan krisis kekurangan makanan akut.

Pemotongan dana global terhadap bantuan kemanusiaan memburukkan lagi keadaan. Bencana kemanusiaan kian parah apabila ratusan orang terbunuh dalam tempoh beberapa minggu kebelakangan ini akibat keganasan melampau terhadap orang awam.

Kakitangan Islamic Relief di seluruh Sudan, dari kampung terpencil di Darfur sehingga ke kem pelarian yang sesak di timur Sudan melaporkan peningkatan kes kelaparan melampau. Ramai keluarga terpaksa hidup dengan hanya satu hidangan sehari, dan ada yang kehilangan ahli keluarga akibat kebuluran.

Hiba Mohammed Daba, 45, yang mlarikan diri daripada serangan berhampiran rumahnya di Kordofan Utara dan kini tinggal di sebuah kem di Gedaref, Sudan Timur berkata, dia sangat risaukan keselamatan anak-anaknya.

“Saya tahu, sekurang-kurangnya lima orang mati akibat lapar di kem ini. Kehidupan saya dulu sangat stabil dan senang, tapi sekarang sangat sukar. Saya hanya makan sekali sehari, itu pun campuran tepung, air dan gula. Saya utamakan makanan untuk anak-anak, tetapi masih tak cukup. Anak-anak makin kerap sakit, kurus dan lemah. Saya sendiri susut dan baju saya pun longgar. Jika keadaan ini berterusan, saya dan anak-anak akan terus lemah dan menderita.”

Sejak konflik meletus pada April 2023, Islamic Relief telah membantu lebih 1.2 juta orang melalui pelbagai jenis bantuan seperti makanan dan keperluan asas lain namun, ia masih tidak mencukupi bagi memenuhi keperluan yang sangat besar.

Pengarah Negara Islamic Relief Sudan, Elsadig Elnour berkata, “Dua tahun peperangan telah menjelaskan jutaan nyawa. Petani dihalau dari tanah mereka, pasar diserang, lori makanan dirompak dan bandar-bandar dikepung.

“Kami merawat lebih ramai kanak-kanak kekurangan zat makanan berbanding sebelum ini. Kakitangan kami sendiri menjadi pelarian, tetapi tetap gigih menyampaikan bantuan selagi mampu. Namun, pemotongan dana global semakin memburukkan keadaan, pada saat bantuan sepatutnya dipertingkatkan, bukan dikurangkan.”

Islamic Relief menggesa semua kerajaan di Persidangan London dan seluruh dunia untuk menambah peruntukan dana kemanusiaan, memberi tekanan kepada pihak yang berkonflik agar membenarkan akses tanpa halangan kepada agensi bantuan, dan menyokong usaha damai yang inklusif dan menyeluruh.

Pihak berkonflik sering kali menghalang bantuan ke kawasan yang berada di luar kawalan mereka, sama ada melalui keganasan bersenjata, sekatan pergerakan dan kekangan birokrasi. Meskipun agensi bantuan masih mampu mengakses banyak kawasan, kekurangan dana menjadi halangan utama untuk memperluas operasi.

Sehingga kini, Pelan Keperluan dan Tindak Balas Kemanusiaan Sudan 2025 yang diketuai PBB hanya menerima kurang 10% daripada dana yang diperlukan walaupun sudah memasuki suku kedua tahun ini.

Komuniti tempatan juga memainkan peranan penting dalam menangani krisis ini, terutama di kawasan yang sukar dicapai oleh organisasi antarabangsa. Mereka menubuuhkan dapur komuniti, menyediakan tempat perlindungan dan menyelamatkan nyawa meskipun turut berdepan risiko keselamatan dan kekurangan sumber. Islamic Relief menyokong beberapa inisiatif masyarakat tempatan ini, namun mereka amat memerlukan bantuan antarabangsa yang lebih besar.

Selain keganasan berterusan, perang juga turut melumpuhkan ekonomi negara. Kadar inflasi yang tinggi dan pengangguran yang melonjak menyebabkan rakyat tidak mampu membeli makanan walaupun masih ada bekalan di pasaran.

Melalui salah satu projek bantuan di Sudan, Islamic Relief telah menyalurkan bantuan tunai kepada ribuan keluarga agar mereka boleh mendapatkan keperluan asas di pasaran tempatan.

Islamic Relief menyeru agar usaha rundingan damai dihidupkan semula dengan segera. Proses politik yang kini hampir lumpuh mesti digerakkan semula demi melindungi orang awam dan membuka jalan kepada keamanan yang berkekalan. Rundingan damai yang benar-benar berkesan hanya dapat dicapai dengan penglibatan bermakna masyarakat civil Sudan khususnya golongan wanita, belia dan pelbagai kumpulan etnik agar suara dan kepentingan semua lapisan masyarakat diiktiraf dan diangkat.

-TAMAT-

Mengenai Islamic Relief

Islamic Relief merupakan sebuah organisasi kemanusiaan antarabangsa yang ditubuhkan pada tahun 1984 sebagai tindak balas terhadap isu kebuluran di Afrika Timur. Ibu pejabat Islamic Relief terletak di Birmingham, United Kingdom. Islamic Relief beroperasi di lebih 40 buah negara dan telah membantu lebih 145 juta orang. Kini, Islamic Relief Worldwide merupakan antara salah satu badan amal dan Pembangunan terbesar di dunia.

Mengenai Islamic Relief Malaysia

Islamic Relief Malaysia telah beroperasi sejak 2004, bertujuan untuk meneruskan bantuan kemanusiaan Islamic Relief di Rantau Asia-Pasifik. Kini, Islamic Relief Malaysia berperanan sebagai pejabat penjanaan dana dan pelaksana projek tempatan dan antarabangsa.

Maklumat lanjut mengenai Islamic Relief Malaysia boleh diperoleh di www.islamic-relief.org.my

Dikeluarkan oleh: Komunikasi Strategik, Pejabat KPE Islamic Relief Malaysia.

Untuk keterangan lanjut, hubungi Sis Zafirah di talian 019-220 1788 atau e-mel ke Zafirah.Zahari@islamic-relief.org.my